

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OKTOBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 16

Hormat kita pada bahasa Melayu masih jauh

NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

KITA berbangga apabila pemimpin utama negara berucap dalam bahasa Melayu di pentas dunia dan ini sepatutnya menjadi titik permulaan terbaik untuk semua pihak secara serius memartabatkan kedudukan bahasa kebangsaan.

Usaha ini tidak boleh dilakukan secara bermusim sebaliknya perlu terancang dan konsisten iaitu berterusan sepanjang masa. Semua pihak perlu sedar bahasa adalah lambang identiti bangsa beraudat.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sudah terperiti kemas dalam undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan di mana bahasa Melayu adalah bahasa rasmi persekutuan yang diterjemahkan melalui Perka 152 serta Akta Bahasa *Kebangsaan 1963/67.

Namun, apa yang menyediakan ialah roh dan semangat yang dibawa oleh Perka 152 serta akta ini dilihat tidak dihayati sepenuhnya dan seolah-olah sengaja dilupukan dan tidak dipedulikan oleh segelintir rakyat kita sendiri.

Sediarah betapa pada hari ini bahasa Melayu hanya diterima sebagai bahasa kebangsaan tetapi penghormatan dan penghayatan terhadap bahasa rasmi ini masih jauh daripada yang sepatutnya.

Justeru, setiap warganegara perlu menzahirkan komitmen untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu baik dalam negara maupun di pentas dunia walaupun dalam apa ju keadaan sekali pun.

Kesungguhan untuk mengangkat kedudukan bahasa ini perlu disusuli dengan inisiatif, usaha dan litizam yang kuat. Ini melibatkan kerjasama dan komitmen semua pihak khususnya pihak kerajaan dan rakyat sendiri. Banyak sebenarnya kaedah untuk kita menghormati dan memartabatkan kedudukan bahasa Melayu.

Antaranya kita tidak boleh sama sekali berasa malu untuk berucap atau berkommunikasi dalam bahasa Melayu walaupun berada di mana sekali pun. Contohnya rakyat negara-negara maju seperti Jerman, Jepun dan Korea Selatan yang begitu kuat memartabatkan

Hormat kita pada bahasa Melayu masih jauh



PENGARAHAN dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah Jenis kebangsaan (SJK) dilihat masih belum mantap dan mampu membantu anak-anak ini berkomunikasi dan bertutur dengan baik dalam bahasa kebangsaan. — GAMBAR HIASAN

Bahasa Melayu hanya diterima sebagai bahasa kebangsaan tetapi penghormatan dan penghayatan terhadap bahasa rasmi ini masih jauh daripada yang sepatutnya.”

bahasa mereka tanpa malu atau segan di pentas dunia. Masyarakat dunia sebenarnya sudah boleh menerima budaya keperluan menghormati bahasa ibunda orang lain.

Jadi, tidak perlulah malu atau takut untuk bercakap dalam bahasa Melayu dengan anggapan bahasa kita sebagai bahasa kelas kedua. Ingat, kalau bukan kita siap lagi yang akan memuliki tanggungjawab ini?

Kita juga perlu konsisten dalam usaha untuk meningkatkan tahap penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat

khususnya bukan Melayu. Hal ini sangat signifikan kerana tahap penggunaan mereka masih membangkang. Misalnya, aspek pembacaan, penulisan dan pertuturan dalam kalangan murid ini masih membangkang.

Walaupun lahir dan membesar di negara ini, kita perlu terima hakikat masih ramai warganegara yang tidak pandai membaca dengan lancar dan bertutur dengan fasih dalam bahasa Melayu. Apa puncanya dan di mana silapsa? Sampai bila kita mahu memberi keadaan ini berubah?

Kita perlu berprijak di bumi yang nyata. Melihat senario semasa dalam kalangan masyarakat, ternyata pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan (SJK) dilihat masih belum mantap dan mampu membantu anak-anak ini berkomunikasi dan bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu.

ROJAK

Akibatnya bahasa rojak terus menjadi amalan harian mereka apalah lagi di rumah mengamalkan bahasa ibunda sendiri. Jika ini dibiarkan berlalutan maka seluruh

generasi mereka juga akan terbawa-bawa dengan bahasa rojak tersebut.

Jadi, kita perlu melakukan sesuatu dengan segera supaya sistem pendidikan yang ada mampu memastikan sekurang-kurangnya anak-anak di SJK boleh membaca, menulis dan bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu. Kita tidak minta semuanya menjadi pakar bahasa tetapi janganlah sampai mencemar dan merosakkan bahasa kebangsaan.

Hakikatnya, usaha untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu perlu bermula dari peringkat sekolah lagi. Biar semua anak-anak kita sedar dan ingat tentang tanggungjawab mereka untuk mengangkat kedudukan bahasa kebangsaan.

Selain itu, kita juga perlu konsisten dalam soal pengukusaan agar kedudukan dan martabat bahasa itu sentiasa terpelihara. Misalnya, pada hari ini masih banyak agensi korporat yang meminggirkkan bahasa Melayu dan memberi keutamaan kepada bahasa Inggeris.

Perkara ini perlu dibetulkan dengan segera melalui langkah pengukusaan yang tegas secara konsisten. Misalnya, jika agensi kerajaan ada pekeliling

yang niemandu dan mengawal penjawat awam agar sentiasa memberi keutamaan kepada bahasa Melayu, bagaimana pula dengan pihak korporat?

Sudah tiba masanya kerajaan memperkenalkan dasar penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi di semua agensi korporat dan swasta yang beroperasi di negara ini.

Selain itu, pelbagai kesalahan bahasa yang berlaku dalam masyarakat juga semakin mengerukkan lagi keadaan. Misalnya, kesalahan bahasa dalam papan iklan serta penggunaan papan iklan dalam bahasa selain bahasa Melayu. Sampai bila kita mahu biarkan kesalahan seperti ini berterusan?

Kita berharap pihak berkuaasa akan lebih konsisten dalam menguatkuasakan undang-undang yang ada dengan mengenakan hukuman setimpal terhadap semua pesalah bahasa tersebut.

Kelompok ini perlu dikenakan tindakan kerana tidak menghormati, memencar dan mengaibkan bahasa kebangsaan serta melanggar tatasusila sebagai seorang warganegara.

Pada ketika ini, pemimpin utama negara sendiri semakin serius memartabatkan kedudukan bahasa Melayu, maka inilah masanya untuk semua pihak turut berganding bahu menyokong hasrat kerajaan.

Sedarah, sudah tiba masanya martabat bahasa Melayu diangkat di persada dunia dan rakyat perlu yakin bahawa bahasa kebangsaan adalah setaraf dengan bahasa-bahasa lain di dunia.

Kita juga perlu buang jauh-jauh persepsi dan tohongan bahawa penggunaan bahasa Melayu akan menyebabkan kita ketinggalan, ekonomi tidak akan berkembang dan negara sukar membangun.

Percayalah, penggunaan bahasa Melayu tidak menjadikan negara mundur, sebaliknya, negara maju juga menggunakan bahasa sendiri. Kita perlu yakin bahasa Melayu setaraf dengan bahasa-bahasa lain di dunia.

PENULIS ialah pentadbir di universiti dan penganalisis isu-isu semasa.